

Headline	Sukuk anak syarikat TNB diiktiraf		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	112,050	Readership	336,150
Section	Ekonomi	Page No	13
ArticleSize	97 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,751		



Sukuk anak syarikat TNB diiktiraf

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Southern Power Generation Sdn. Bhd. (SPG), anak syarikat 51 peratus milik Tenaga Nasional Bhd. (TNB) telah diiktiraf sebagai 'Pembiayaan Projek Terbaik 2017' pada Majlis Anugerah Jadual Liga Pengurus Utama MARC 2017 di sini, baru-baru ini.

Dalam kenyataan hari ini, TNB berkata, pengiktirafan oleh Malaysian Rating Corporation Bhd. (MARC) itu berdasarkan pencapaian SPG menerbitkan Sukuk Wakalah bernilai RM3.7 bilion pada Oktober 2017.

Sukuk Wakalah tersebut, yang diberi penarafan AA-IS /Stabil oleh MARC, adalah bagi membiayai pembangunan Projek Turbon Gas Kitaran Gabungan (CCGT) Trek 4A dengan kapasiti 1,440 megawatt (mW) di Pasir Gudang, Johor.

SPG, sebuah syarikat khas yang ditubuhkan untuk pembangunan projek CCGT berkenaan adalah usahasama antara TNB dan SIPP Energy Sdn. Bhd. yang memiliki 49 peratus baki kepentingan dalam SPG.

Projek yang bernilai kira-kira RM4.6 bilion tersebut dibiayai menerusi gabungan kewangan projek serta ekuiti dan dijangka memulakan operasi komersial berjadual pada 1 Julai 2020.

Loji janakuasa yang kini dalam peringkat awal pembinaan di Zon Perindustrian Pasir Gudang itu akan mengukuhkan keupayaan TNB memberikan bekalan elektrik berdaya harap dan stabil menerusi Grid Nasional. - BERNAMA